



PERSATUAN PUSTAKAWAN MALAYSIA (No. daftar 1454)

PETI SURAT 12545

50782 KUALA LUMPUR

TEL / FAKS : 03-2694 7390 Emel : pustakawan55@gmail.com Laman web: <http://www.ppm55.org.my>

BORANG USUL

Sila tandakan yang berkenaan:

Pindaan perlembagaan

Lain-lain

Nama pencadang: Balqis binti Suja'

No. ahli: P 0415

Usul: PPM membentuk hubungan bersama COM LIS dengan cara PPM dan universiti Islam Malaysia (UIAM, USIM dan UniSZA) mengusahakan COM LIS sebagai entiti gabungan kepada organisasi Islam antarabangsa atau serantau.

Rasional: Cadangan usul ini bertujuan mempertahankan COM LIS sebagai forum interaksi dan jaringan kolaborasi profesional kepustakawanan yang meluas dengan objektif tertentu yang jelas dalam hal aktiviti dan sumber penyelidikan Islam serta perkhidmatan perpustakaan dan maklumat Islam. PPM akan berperanan sebagai penganjur, universiti awam Islam sebagai ahli utama, dan wakil pertubuhan Islam tertentu sebagai pemerhati bagi menulis satu *blueprint* yang akan disampaikan kepada pihak Islamic Educational, Scientific and Cultural Organization iaitu ISESCO Educational Centre atau badan lain yang setara.

Latarbelakang

COM LIS dicadangkan dibentuk dalam Islamic Society of North America (ISNA) hasil daripada resolusi *First Conference of Islamic Librarians and Information Scientists*. Dalam acara tersebut, beberapa sarjana, pustakawan dan pendidik telah mengetuai panel perbincangan dan pembentangan berhubung sistem perpustakaan dan sains maklumat Islam merangkumi isu dan profail di USA, Kanada dan negara-negara Islam. COM LIS telah dianjurkan 4 kali:

COM LIS (1st : 1982, 3-5 Sept. : West Lafayette, Indiana) – ditaja oleh ISNA;

COM LIS (2nd : 1986, 20-22 Okt. : Univ. Utara Malaysia, Kedah);

COM LIS (3rd : 1989, 24-26 May : Istanbul);

COM LIS (4th : 1995, 20-23 Jun : Tehran).

Organisasi COM LIS yang diketahui adalah berbentuk *ad hoc*. Personaliti yang diketahui pernah terlibat dalam COM LIS ialah:

Prof. Nasser Sharify. *Program writer, COM LIS 1*

Prof. T.B. Irving, *Presenter, COM LIS 1*

Riaz Ahmad, *Presenter, COM LIS 1*

Dr. George Attiyeh, *Presenter, COM LIS 1*

Prof. Dr. Anis Khurshid, *Presenter, COM LIS 1*

Dr. Dorothy Stehle, *Presenter, COM LIS 1*

Prof. Ziauddin Sardar. *Executive Board Member*

Prof. Dr. Mumtaz Ali Anwar. *Presenter, COM LIS 1; Founding Member (based in Malaysia)*

Dr. Oli Mohamed Abdul Hamid, *Presenter, COM LIS 1; Chairman, COM LIS 2.*

Prof. Dr. Abdus Sattar Chaudhry. *Presenter, COM LIS 1; Organizing committee, COM LIS 2.*

Prof. Dr. Sajjad-ur Rahman, *Presenter, COM LIS 1*

Abazar Spehri, *Presenter, COM LIS 1*

Feroz Ahmad, *Presenter, COM LIS 1*

Sekretariat COM LIS diserahkan kepada Malaysia dan Jordan sanggup menjadi tuan rumah COM LIS 5. Masalah berkait penajaan berpanjangan sehingga akhirnya pendaftaran COM LIS dibatalkan oleh Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia.

Kongres seumpama COM LIS dilaksanakan pada 2008 oleh USIM, 2012 oleh UIAM dan 2014 oleh UiTM dengan label wCOM LIS.

Tandatangan:

Disokong oleh:

Nama: Basri bin Hassan, Dr.
Nor Azzah Momin

No. ahli: P 0483
P 0654

Tandatangan: via email

Nota. 1. Cadangan usul pindaan perlembagaan hendaklah sampai kepada Setiausaha Kehormat sekurang-kurangnya satu bulan sebelum M.A.T, manakala usul untuk resolusi disampaikan kepada Setiausaha Kehormat sekurang-kurangnya tiga minggu sebelum M.A.T berlangsung pada 14 April 2014 (Isnin).

2. Sila buat salinan borang atau gunakan lampiran jika ruangan ini tidak mencukupi.

Untuk kegunaan pejabat

Tarikh diterima: _____

Borang disemak dan didapati betul oleh:

Disemak 7.02.2014